

31 MAR 1999

PANTAI-PEMILIKAN

PANTAI BELI AKMC UNTUK LUASKAN PERANAN, KATA MOKHZANI

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Pemilikan kepentingan 70 peratus dalam Ayer Keroh Medical Centre (AKMC) akan membantu meluaskan peranan Kumpulan Hospital Pantai dalam industri penjagaan kesihatan swasta, kata Pengerusi Eksekutif Pantai Holdings Bhd Mokhzani Mahathir.

Pemilikan itu akan melibatkan pertimbangan tunai RM30 juta yang akan didapati daripada dana-dana janaan dalaman.

"Dengan pemilikan itu, kami memperluaskan perkhidmatan dan kepakaran kami di kawasan selatan, terutamanya di Melaka dan Johor," katanya kepada pemberita selepas upacara menandatangani perjanjian jual beli antara Pantai Hospitals Sdn Bhd, anak syarikat Pantai Holdings, dengan pemegang saham AKMC di sini hari ini.

Dengan perjanjian itu, AKMC akan dikenali sebagai Hospital Pantai Ayer Keroh dan menjadi hospital keenam Kumpulan Hospital Pantai. Kumpulan itu terdiri dari Pantai Cheras Medical Centre Sdn Bhd, Pantai Klang Specialist Medical Centre, Pantai Mutiara di Penang, Pantai Putri di Ipoh dan Pantai Medical Centre di Bangsar.

Sementara itu, prestasi kewangan kumpulan itu, Mokhzani berkata: "Kami harap akan mengekalkan tahap keuntungan yang sama dengan tahun lepas dan dengan pemilikan AKMC, kami akan menikmati pertumbuhan."

Buat masa ini, katanya, Pantai Holdings akan menyatu-padukan sistem AKMC agar ia selaras dengan hospital lain kumpulan itu.

Beliau juga berkata Pantai Holdings tidak bercadang membeli hospital lain dalam tempoh terdekat tetapi mungkin meninjau kemungkinan membina hospital baru.

Kini, katanya, Pantai Holdings dalam proses mengemaskini kemudahan di Klang dan di Bangsar.

Mengenai kemungkinan penggabungan dengan kumpulan perubatan lain, Mokhzani berkata: "Pantai Holdings telah berunding dengan KPJ (Healthcare Bhd) mengenai kemungkinan kerjasama tetapi bukan penggabungan."

Mengenai perkembangan Tongkah Holdings Bhd, Mokhzani berkata syarikat itu kini dalam proses penyusunan semula struktur dan hutangnya.

Penyusunan semula yang dijangka akan siap dua bulan lagi itu, katanya, akan meletakkan Tongkah Holdings di kedudukan kewangan yang amat kukuh sekali lagi.

-- BERNAMA

WNZ JR MA